

# MANUAL LATIHAN

## MOCUL HCM-PAYROLL

### HCM-1201 Jana Laporan TP3

Versi 1.1

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Manual Latihan ini adalah dokumen rujukan untuk latihan 1GFMAS. Tiada bahagian daripada dokumen ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula, disimpan di dalam bentuk yang boleh diguna semula dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

## **PINDAAN DOKUMEN**

Dokumen ini telah dipinda dengan keterangan berikut:-

<b>NO</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>DIKEMASKINI OLEH</b>	<b>CATATAN</b>
1	1.0	22 Ogos 2014	Nur Hidayah @ Hidayu Binti Md Norani	Pertama kali diterbitkan.
2	1.1	30 Nov 2015	Aisyah Binti Borhan	Penambahbaikan pada kandungan Pengenalan.

## ISI KANDUNGAN

<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN .....</b>	<b>4</b>
1.1	Jana Laporan TP3 .....	4
1.2	Objektif .....	4
<b>2.0</b>	<b>LANGKAH-LANGKAH .....</b>	<b>5</b>

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1 Jana Laporan TP3

Laporan TP3 ini dijana bagi pegawai yang ditamatkan di sistem 1GFMAS dan berpindah keluar daripada sistem 1GFMAS (contohnya:- Berpindah ke Badan Berkanun atau Kerajaan Negeri). Borang ini menyenaraikan maklumat berkaitan penggajian pegawai semasa di 1GFMAS dalam tahun semasa bagi tujuan penyelarasan Potongan Cukai Bulanan (PCB) di majikan pegawai yang baru.

Sebelum laporan ini dijana, pegawai mesti telah ditamatkan perkhidmatan di 1GFMAS dan telah membuat permohonan. Laporan ni hanya akan berjaya dijana bagi pegawai dalam **employment status '0'=withdrawn**.

Capaian ke transaksi boleh dilakukan dengan menaip kod transaksi pada kotak arahan atau melalui menu berikut:

Transaksi	Menu
PC00_M14_CTP3	JANM > 1GFMAS Payroll > Human Resource > Payroll > Asia Pacific > Malaysia > Subs Activities > Period-independent > TP3 Report


Sila rujuk carta aliran **TRG-HCM-0102 Proses Perubahan Data Induk Pegawai**.

### 1.2 Objektif

Pengguna akan mengetahui bagaimana untuk menjana laporan TP3.

## 2.0 LANGKAH-LANGKAH

### 1. Skrin **SAP Easy Access JANM** dipaparkan



No.	Nama Medan/ Butang	Mandatori (M)	Tindakan	Catatan
1	Medan Arahan		Dalam Medan Arahan, masukkan "PC00_M14_CTP3".	
2	Enter		Klik <b>Enter</b> .	

2. Skrin **Report RPCTP3L0** dipaparkan.


The screenshot shows the 'Report RPCTP3L0' interface. It is divided into three main sections: 'Period', 'Selection', and 'TP3 Form'. Callouts 1 through 7 highlight the following fields:

- 1:** 'Current year' radio button in the Period section.
- 2:** 'Personnel Number' text box containing '21000263' in the Selection section.
- 3:** 'Payroll area' text box containing 'B1' in the Selection section.
- 4:** 'Year Selection for TP3 form' text box containing '2014' in the TP3 Form section.
- 5:** 'Generation Date' text box containing '24.07.2014' in the TP3 Form section.
- 6:** 'Name of the Previous Employer1' text box containing 'JABATAN AKAUNTAN NEGARA' in the TP3 Form section.
- 7:** 'Employer1 reference number' text box containing '2940625-00' in the TP3 Form section.

No.	Nama Medan/ Butang	Mandatori (M)	Tindakan	Catatan
1	Current year		Pilih <b>Current year</b> .	
2	Personnel Number	M	Dalam petak <b>Personnel Number</b> , masukkan nombor gaji, sebagai contoh " <b>21000263</b> ".	
3	Payroll area	M	Dalam petak <b>Payroll area</b> , masukkan payroll area, sebagai contoh " <b>B1</b> ".	
4	Year Selection for TP3 form	M	Dalam petak <b>Year Selection for TP3 form</b> , masukkan tahun semasa, sebagai contoh " <b>2014</b> ".	Medan ini adalah tahun laporan TP3 dijana.
5	Generation Date	M	Dalam petak <b>Generation Date</b> , masukkan tarikh semasa, sebagai contoh " <b>24.07.2014</b> ".	Tarikh ini adalah tarikh borang TP3 dijana.

6	Name of the Previous Employer1	M	Dalam petak <b>Name of the Previous Employer 1</b> , masukkan maklumat majikan pegawai, sebagai contoh " <b>JABATAN AKAUNTAN NEGARA</b> ".
7	Employer1 reference number	M	Dalam petak <b>Employer 1 reference number</b> , masukkan nombor rujukan cukai majikan, sebagai contoh " <b>2940625-00</b> ".
8	Execute (F8)	M	Klik <b>Execute (F8)</b> .

3. Skrin **Print** dipaparkan



No.	Nama Medan/ Butang	Mandatori (M)	Tindakan	Catatan
1	Print Preview		Klik <b>Print Preview</b> .	

## 4. Skrin Print Preview Borang TP3 dipaparkan

Print Preview of LOCL Page 00001 of 00002

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
BORANG MAKLUMAT BERKAITAN PENGGAJIAN DENGAN MAJIKAN-MAJIKAN TERDAHULU  
DALAM TAHUN SEMASA BAGI TUJUAN POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)  
(KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994)  
BORANG DITETAPKAN DI BAWAH SEKSYEN 152, AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

**BAHAGIAN A : MAKLUMAT MAJIKAN**

A1 Nama Majikan Terdahulu 1 : JABATAN AKAUNTAN NEGARA

A2 No. Majikan : E 2940625-00

A3 Nama Majikan Terdahulu 2 :

A4 No. Majikan : E

\*(Bila gunakan lampiran tambahan bagi majikan ketiga dan seterusnya)

**BAHAGIAN B : MAKLUMAT INDIVIDU**

B1 Nama : ARISA

B2 No. Pengenalan : 880828085858

B3 No. Pasport :

B4 No. Cukai Pendapatan : SG13819898012

**BAHAGIAN C : MAKLUMAT SARAAN, KWSP, ZAKAT DAN PCB (sila nyatakan jumlah keseluruhan daripada majikan-majikan terdahulu)**

AMAUN TERKUMPUL

Skrin Print Preview Borang dipaparkan